

10/01/1999

Layan pelancong dengan mesra

Zainudin isa

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir mahu semua kakitangan di pintu masuk negara, khususnya Jabatan Imigresen memberi layanan mesra kepada pelancong asing bagi membantu mempercepatkan pemulihan ekonomi negara.

Sambil mengingatkan kakitangan di pintu masuk sebagai barisan hadapan yang amat penting, Perdana Menteri berkata, langkah itu mampu menangkis gambaran buruk imej negara yang selama ini digembar-gembur media asing.

"Secara 24 jam dan berulang-ulang media asing menyiarkan gambar demonstrasi, rusuhan dan seolah-olah negara kita sedang berperang.

"Pelawat asing yang dengar laporan CNN, CNBC, BBC ini yang sengaja menggambarkan keadaan di Malaysia sekarang kucar-kacir, tak stabil dan bahaya untuk dikunjungi," katanya ketika memberi amanat kepada kakitangan di Ibu Pejabat Jabatan Imigresen sempena lawatannya ke pejabat itu, di sini semalam.

Turut hadir Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang baru dilantik, Datuk Tajol Rosli Ghazali yang sebelum ini Timbalan Menteri Dalam Negeri, serta Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Aseh Che Mat.

Menurut Dr Mahathir, tindakan media asing itu melemahkan industri pelancongan negara sehingga ramai pelancong asing membatalkan program lawatan mereka ke negara ini.

"Baru-baru ini 600 pelancong Australia membatalkan lawatan mereka ke negara ini, kononnya khuatir keselamatan mereka terjejas.

"Bagaimanapun, apabila ada yang datang ke sini, mereka lihat keadaan yang sungguh berlainan daripada apa dilaporkan media asing itu," katanya.

Perdana Menteri berkata, sementara kerajaan berusaha memulihkan ekonomi negara yang kini menampakkan hasil, ada pihak luar mahu menyekatnya.

"Nampaknya, salah satu usaha mereka untuk menyekat pemulihan ini ialah dengan memerosotkan lawatan pelancong asing.

"Ini sengaja mereka buat. Saya tidak tahu mengapa mereka benci kepada kita," katanya.

Perdana Menteri memuji kempen Khidmat Dengan Senyuman jabatan berkenaan yang dilancarkan semalam dan yakin pendekatan itu mampu mengubah persepsi buruk terhadap negara selama ini.

"Kita mahu pegawai imigresen bermesra dengan pelawat asing. Bukan kena duit nak bermesra. Cuma tunjuk gigi kita saja, gigi kita bukan tak cantik, cuma nak senyum saja," katanya sambil berseloroh.

Beliau turut mencadangkan kakitangan imigresen lebih peramah mengalu-alukan ketibaan pelawat asing serta menjadi saluran maklumat pertama mengenai keadaan negara.

"Pegawai imigresen boleh beritahu tiada ancaman di Malaysia. Negara tidak lagi mempunyai kawasan hitam, mereka boleh bersiar-siar bila-bila masa," katanya.

"Bukan susah sangat nak pikat mereka (pelancong) ini. Kita cakap 'Welcome to Malaysia, Have A Nice Day, Have A Nice Holiday'. Cuma kita baik hati sikit dan layan mereka.

"Kita beri perkhidmatan yang lebih daripada tugas sebenar kita. Kalau mereka ada masalah apa-apa, apa salahnya kita tolong.

"Jangan mudah kita terus mengarahkannya ke pegawai lain atau jabatan lain," katanya.

Menurut Dr Mahathir, sektor pelancongan sangat penting kepada negara kerana selain sumber pendapatan, ia turut memajukan sektor perhotelan, restoran dan perkhidmatan pengangkutan seperti teksi.

Pada majlis itu, Perdana Menteri menerima program kerja Jabatan Imigresen Malaysia 1999.

Perdana Menteri kemudian melawat pejabat Imigresen Wilayah Persekutuan dan menyampaikan pasport bacaan mesin (MRP) yang ke-250,000 kepada seorang pemohon, penyerahan kad pengenalan pegawai dagang serta melancarkan kempen Khidmat Dengan Senyuman jabatan itu.

(END)